



SIARAN MEDIA (UNTUK EDARAN SEGERA)

KERAJAAN MEMPERUNTUKKAN HAMPIR RM600,000 UNTUK BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN NELAYAN DAN PENTERNAK IKAN DI SARAWAK

BAU, 15 Julai 2017 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Laut Sarawak telah memperuntukkan hampir RM600,000 untuk membantu golongan sasaran meningkatkan pengeluaran ikan bagi sektor akuakultur dan nelayan pantai negeri Sarawak pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Nogeh Anak Gumbek berkata, bantuan 'touchpoint' diperkenalkan oleh Kerajaan bagi meringankan beban golongan sasaran dan meningkatkan pengeluaran pertanian mereka. Ia juga dapat meningkatkan serta mempelbagaikan sumber ekonomi masyarakat setempat khususnya golongan penternak ikan dan nelayan.

Nogeh berkata, daripada jumlah tersebut, lebih RM60,000 telah salurkan untuk memberi bantuan dan sokongan kepada pengusaha ikan air tawar dari kawasan Bau.

Nogeh berkata kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Jalinan Tani Bersama Penduduk Kampung Bogag, Bau di sini hari ini. Turut hadir adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Tasik Baru Datuk Henry Harry Jinep, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datu Ik Pahon Joyik, serta Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan) Malaysia, Tan Geik Hong.

Pada majlis tersebut, Nogeh menyampaikan bantuan '*touch point*' sektor akuakultur iaitu benih ikan keli dan tilapia, makanan rumusan ikan serta tangki ternakan ikan keli kepada 41 orang peserta di bawah Projek *touch point* 2017 Sektor Akuakultur dari 13 kampung di sekitar Bau.

Seorang penternak yang ditemui, **nama?, ? tahun** berkata beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang banyak membantu penternak ikan di daerah Bau dengan membekalkan peralatan-peralatan ternakan ikan. Dengan bantuan yang disalurkan boleh menambahkan jualan bersih hasil penternakan ikan kira-kira RM1,500 sebulan, jelas beliau lagi.

####

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Perikanan Malaysia

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

No. Tel : 03 – 8870 4234

No. Faks : 03 – 8881 0343

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my